

Received: 17 February 2021; Accepted: 05 April 2021

Konsep *Tasfiah* Akidah, Fiqah dan Hadis Dalam Islam: Asas, Keutamaan dan Kepentingannya

Idris Sulaiman¹ (Corresponding Author), Aminudin Basir², Mohamad Sabri Haron³, Zakaria Stapa⁴,
Fadlan Mohd Othman⁵, Mohd Roesfan Sazzerin Mohamad Sufi⁶

Email: ¹idrissulaiman@yahoo.com

¹ Graduan Sarjana dari Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia

^{2&3} Profesor Madya di Pusat Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁴ Profesor Emeritus Datuk Zakaria Stapa, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁵ Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

⁶ Graduan Sarjana, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Syeikh al-Albani merupakan ulama pertama yang mempopularkan konsep *tasfiah* dalam dakwah. Menurut beliau, *tasfiah* merupakan antara metode yang sepatutnya dijadikan sebagai asas beragama oleh seluruh kaum Muslimin bagi mengembalikan mereka kepada ajaran Islam yang sebenar sejajar dengan apa yang dibawakan oleh Nabi SAW. Artikel ini membahaskan sejauh mana konsep *tasfiah* beliau ini selari dengan Agama di samping keutamaan dan kepentingan ia dilaksanaan dalam ketiga-tiga bidang utama Agama iaitu akidah, fiqh dan hadis. Melalui kaedah kajian kualitatif dan pendekatan analisis dokumen, kajian menunjukkan bahawa istilah *tasfiah* tidak digunakan secara spesifik dalam Al-Quran atau hadis tetapi konsepnya terangkum dalam erti menjalankan kewajipan dakwah yang diperintahkan dalam Al-Quran dan hadis. Ia juga termasuk dalam erti melaksanakan kewajipan memberi nasihat serta perintah amar makruf dan nahi mungkar yang banyak terdapat dalam nas-nas Al-Quran dan hadis. Pelaksanaan konsept *tasfiah* dalam bidang akidah, fiqh dan hadis sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh para ilmuwan Islam kerana ia berfungsi sebagai 'anti-virus' bagi memurnikan Agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya dan mengekalkan keaslian dan ketulenan ajaran Islam sebagaimana mana yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Impak kajian ini menunjukkan keperluan pelaksanaan konsep *tasfiah* akidah, fiqh dan hadis dalam semua peringkat pengajian Agama sama ada secara formal atau tidak formal bagi mendepani pencemaran yang berlaku dalam ketiga-tiga bidang Agama tersebut kesan daripada penularan fahaman-fahaman sesat, kecenderungan taklid dan taasub mazhab serta penyebaran hadis-hadis daif dan *maudhuk*.

Kata kunci: Syeikh al-Albani, *Tasfiah*, dakwah, Hadis

Concept of *Tasfiah* Aqeedah, Fiqh and Hadith in Islam: Its Basis, Priorities and Importance

Abstract

Sheikh al-Albani is the first scholar to popularize the concept of *tasfiah* in da'wah. For him, *tasfiah* is one of the methods that should be used in religion as basis for all Muslims to return to the true teachings of Islam in line with the teachings of the Prophet PBUH. This article discusses the extent to which his concept of *tasfiah* is in line with Islam besides the priority and importance of implementing this concept in the three main branches of Islam that is aqeedah, fiqh and hadith. Based on qualitative research method and document analysis approach, this study shows that the term *tasfiah* is not mentioned specifically in the Qur'an or hadith but its concept is in part of carrying out the da'wah duties as commanded in the Qur'an and hadith. It is also part of undertaking the duty to give advice as well as commanding good and forbidding evil which is abundant in the texts of Al-Quran and hadith. The implementation of *tasfiah* in the field of aqeedah, fiqh and hadith is very important and it should not be ignored by Muslim scholars as it serves as an 'anti-virus' to purify Islam from foreign elements that has infiltrated into Islam and to maintain the authenticity of the Islamic teachings as delivered by the Prophet Muhammad PBUH. The impact of this study indicates that the concept of *tasfiah* aqeedah, fiqh and

hadith must be applied at all levels of religious studies whether formal or informal in order to deal with the various types of pollution that has occurred in those three main branches of Islam due to the spreading of deviant teachings, the tendency towards blind following and fanaticism for madhhabs and the spread of weak and fabricated hadith.

Keywords: Syeikh al-Albani, *Tasfiah*, *da'wah*, hadith.

1. Pendahuluan

Syeikh al-Albani merupakan ulama pertama yang mempopularkan konsep *tasfiah* dalam dakwah sebagai metode yang perlu dijadikan sebagai asas beragama dalam Islam. Menurut beliau pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengubah agama Islam daripada hakikat bentuk asalnya di mana sebahagian daripada usaha-usaha ini sedikit sebanyak telah memberikan kesannya. Perubahan-perubahan ini sebahagiannya disedari oleh umat Islam dan sebahagian yang lain tidak. Ia melibatkan perubahan-perubahan dalam pelbagai cabang Agama termasuklah akidah, fiqh dan hadis. Dalam bidang akidah, sejarah Islam telah menyaksikan kemunculan pelbagai kumpulan seperti Syiah, Khawarij, Qadariah, Jahmiah, Muktazilah, Murjiah dan Jabariah yang membawa pelbagai fahaman sesat dan penyimpangan. Dalam bidang fiqh pula, sejarah memperlihatkan bagaimana umat Islam dibahagi-bahagikan kepada empat mazhab utama iaitu Hanafi, Maliki, Shafii dan Hanbali manakala prinsip-prinsip mazhab dijadikan sebagai asas pemahaman dan penyelesaian yang mengikat mereka daripada melihat pandangan-pandangan lain di luar mazhab. Ini telah menimbulkan kejahanan terhadap as-Sunah apabila masyarakat terus bertaklid dan bersikap jumud dengan mazhab yang mereka anuti. Adapun dalam bidang hadis, penekanan terhadap memelihara ketulenan hadis bagi mengelakkannya bercampur dengan riwayat-riwayat lemah dan palsu telah bermula semenjak awal lagi iaitu pada zaman Tabiin setelah timbulnya riwayat-riwayat palsu yang disandarkan kepada Nabi SAW. Justeru bagi menangani keadaan ini, Syeikh al-Albani (2000b) menyarankan supaya umat Islam mengambil pendekatan yang beliau istilahkan sebagai *tasfiah* yang bertujuan untuk memurnikan Agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya.

2. Definisi *Tasfiah*

Dari sudut bahasa (etimologi), *tasfiah* berasal daripada bahasa Arab yang kembali kepada kata dasar *saffa* – *yusaffi* – *tasfiyat* – *musaffa* (*almusaffi*) - *musaffan* yang bermaksud membersihkan sesuatu daripada perkara-perkara asing dan seterusnya memurnikannya (Ibnu Mandhur 1993) atau dengan kata lain menjadikannya suci dan bersih (Sakinah Saptu 2012).

Firman Allah SWT dalam Surah Muhammad ayat 15:

وَأَنْهَىٰ مِنْ عَسَلٍ مُّصَفَّىٰ

Maksudnya: Dan sungai-sungai daripada madu yang suci bersih.

Tasfiah boleh diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai pemurnian yang bermaksud perihal atau perbuatan memurnikan. Perkataan ‘murni’ dalam Kamus Dewan (2015) bermaksud tidak mengandungi unsur-unsur asing yang biasanya unsur-unsur yang mencemarkan, bersih, benar, suci dan tulen. Justeru pemurnian bermaksud perbuatan menjadikan sesuatu itu bersih, benar, suci dan tulen. Adapun dalam bahasa Inggeris, *tasfiah* disebut sebagai *purification* yang berasal daripada perkataan *purify* yang bermaksud untuk menjadikan sesuatu itu suci dengan menghapuskan kotoran, perkara yang berbahaya dan daripada sebarang perkara yang tidak diperlukan (Oxford 1995).

Dari sudut istilah (terminologi) pula, *tasfiah* menjurus kepada erti memurnikan Agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya (Hadi 2001). Syeikh al-Albani dalam hal ini menjelaskan (al-Halabi t.th.):

وَأَعْنَىٰ بِالْتَّصْفَيْةِ... بِتَصْفَيْةِ هَذَا الْإِسْلَامِ إِمَّا دَخَلَ فِيهِ... سَوَاءً مَا كَانَ مُتَعَلِّمًا بِالْعَقِيدَةِ أَوْ بِالْحُكْمَ – الَّتِي اخْتَلَفَ فِيهَا كَثِيرًا – أَوْ بِالْأَخْلَاقِ أَوْ بِالسُّلُوكِ

Maksudnya: “Apa yang saya maksudkan dengan *tasfiah*... ialah memurnikan agama Islam ini daripada segala apa yang bukan daripadanya... sama ada yang berkait dengan akidah, hukum-hakam - yang berlaku banyak perselisihan dalamnya - serta akhlak dan moral.”

Beliau turut menjelaskan (Akni 2009):

وَأَعْنِي بِالْتَّصْفِيَةِ: تَقْدِيمُ الْإِسْلَامِ إِلَى الشَّبَابِ الْمُسْلِمِ مُصَفَّىٌ مِّنْ كُلِّ مَا دَخَلَ فِيهِ عَلَى مَدِّ هَذِهِ الْفُرُونَ وَالسَّيِّنَاتِ الظَّوَالِيَّةِ مِنَ الْعَقَائِدِ وَالْأُرْفَاتِ وَالْبِلْدَعِ وَالضَّلَالَاتِ وَمِنْ ذَلِكَ مَا دَخَلَ فِيهِ مِنْ أَحَادِيثٍ غَيْرِ صَحِيحَةٍ قَدْ تَكُونُ مُؤْضِعَةً

Maksudnya: “Apa yang saya maksudkan dengan *tasfiah* ialah mengetengahkan Islam dalam keadaan murni bebas daripada segala apa yang telah meresap masuk ke dalamnya sepanjang kurun-kurun serta tahun-tahun yang panjang yang melibatkan hal-hal akidah, khurafat, bidaah, dan kesesatan, termasuklah hadis-hadis yang tidak sahih yang telah menyusup masuk ke dalamnya yang barangkali palsu.”

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *tasfiah* yang pada asal bahasa Arabnya membawa erti pemurnian dari sudut istilahnya bermaksud memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya.

Perkara-perkara asing ini meliputi perlbagai bidang Agama termasuklah akidah, fiqhah dan hadis. Ia telah meresap masuk ke dalam agama Islam sehingga akhirnya dianggap sebagai sebahagian daripada ajaran Islam walhal pada hakikatnya tidak. Perkara-perkara asing ini turut melibatkan kepercayaan-kepercayaan serta amalan-amalan yang wujud dalam masyarakat Islam di mana dari sudut hukumnya ia boleh dikira antara salah, sesat, maksiat, bidaah, khurafat, syirik ataupun kufur.

3. Asas *Tasfiah* Menurut al-Quran dan Hadis

Memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya merupakan kewajipan fardu kifayah yang perlu dilaksanakan oleh para ulama dan ilmuwan mengikut kepkaran dan keupayaan masing-masing. Hal ini termasuklah dalam erti menjalankan tanggungjawab menyampaikan dakwah kerana apabila disebutkan tentang dakwah Islam, semestinya apa yang dimaksudkan ialah dakwah Islam yang tulen dan bukan yang terpesong. Maka menjelaskan agama Islam yang tulen serta menyingkap kesalahan, pemesongan serta salah faham yang berlaku padanya akibat daripada fahaman-fahaman yang dibawa oleh kumpulan-kumpulan sesat dalam Islam, ikhtilaf ulama, andaian dan perbuatan orang-orang jahil serta tularnya hadis-hadis daif dan *maudhuk* merupakan sebahagian daripada kewajipan dakwah. Ia juga termasuk dalam erti menjalankan tanggungjawab memberi nasihat serta melaksanakan perintah amar makruf dan nahi mungkar.

Perkataan *tasfiah* dalam Al-Quran hanya disebut sekali dalam ayat 15, Surah Muhammad melalui kata terbitan *musaffa* di mana Allah berfirman dalam Surah Muhammad ayat 15:

وَأَنْهَارٌ مِّنْ عَسَلٍ مُّصَفَّىٌ

Maksudnya: Dan sungai-sungai daripada madu yang suci bersih.

Terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran yang menggunakan perkataan lain tetapi mempunyai maksud yang hampir serupa dengan *tasfiah* (Sakinah Saptu 2012). Dalam Al-Quran, perkataan seperti *yuzakkihim*, *tazakka*, *azka* digunakan bagi menunjukkan erti menyucikan dan membersihkan diri daripada sebarang perkara maksiat dan mensyirikkan Allah SWT. Perkataan-perkataan tersebut merupakan kata dasar daripada *zakka* - *yuzakki* - *tazkiyat* yang menjurus kepada makna pemurnian, penyucian dan pembersihan (al-Harawi 2001).

Terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyebut tentang *zakka* dengan maksud pemurnian dan pembersihan (Ibnu Mandhur 1993). Antaranya ialah:

1. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 51 :

كَمَا أَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْكُمْ يَتَلَوُ عَلَيْكُمْ آيَاتِنَا وَيُرَيِّغُكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Seperti mana Kami utus seorang rasul daripada kalangan kamu yang membacakan ayat-ayat kami kepada kamu dan membersihkan kamu (daripada amalan syirik dan maksiat)

dan mengajarkan kamu kandungan kitab (Al-Quran) serta hikmah kebijaksanaan dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.

Menurut Ibnu Kathir (1999) perkataan **وَبِرِيكُمْ** (Dan membersihkan kamu) dalam ayat di atas menjurus kepada makna membersihkan orang-orang beriman daripada akhlak yang buruk, kotoran hawa nafsu, perbuatan-perbuatan Jahiliah dan mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya.

2. Firman Allah dalam Surah Taha ayat 76:

جَنَّاتُ عَدْنٍ بَخْرِيٍّ مِنْ تَحْتِهَا الْأَكْمَارُ حَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَرَاءُ مَنْ تَزَكَّى

Maksudnya: Syurga-syurga yang kekal, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itu ialah balasan orang-orang yang membersihkan diri mereka.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah menjanjikan Syurga ‘Aden yang mengalir di bawahnya sungai-sungai buat mereka yang membersihkan diri mereka daripada kotoran, najis serta syirik di samping menyembah Allah semata-mata tanpa menyekutukannya dan membenarkan para rasul dalam permintaan serta berita mereka (Ibnu Kathir 1999).

3. Firman Allah dalam Surah an-Nuur ayat 30:

فُلُونَ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَقْتُلُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَرْجَى هُنْ

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka.

Ayat Al-Quran di atas memerintahkan orang-orang beriman supaya menjaga pandangan mata mereka daripada melihat perkara-perkara yang haram. Hal ini *azka* (أَرْجَى) bagi mereka. Menurut Imam at-Tabari (2000) *azka* bermaksud lebih suci di sisi Allah dan afdal.

Sekalipun perkataan *yuzakkihim*, *tazakka* dan *azka* dalam ayat-ayat Al-Quran di atas hampir serupa dengan makna *tasfiyah* yang menjurus kepada makna pemurnian, pada pandangan pengkaji terdapat perbezaan antara penggunaan perkataan *tazkiah* dengan *tasfiyah* dalam bahasa Arab. Kebiasaannya perkataan *tazkiah* digunakan untuk pemurnian jiwa dan hal-hal yang melibatkan kebatinan manakala perkataan *tasfiyah* pula digunakan untuk pemurnian objek dan hal-hal zahir. Sebagai contohnya, pemurnian jiwa dikatakan *tazkiah an-Nafs* (*az-Zabidi t.th.*) manakala pemurnian air dikatakan *tasfiyah asy-syaraab* (Ibnu Mandhur 1993) dan bukan sebaliknya.

Kaitan antara Tasfiyah dengan Dakwah dan Amar Makruf Nahi Mungkar

Tasfiyah memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalam Agama berkait rapat dengan dakwah Islam. Allah memerintahkan umat ini supaya menjalankan kewajipan dakwah serta amar makruf dan nahi mungkar dalam surah Aali Imran, ayat 104:

وَلْتُكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam), dan menuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji).

Imam al-Qurtubi (1964) menjelaskan bahawa perkataan *minkum* (منكم) (di antara kamu) dalam ayat di atas mempunyai beberapa tafsiran tetapi sebetulnya ia menjurus kepada erti sebahagian kamu (للتبييض) (iaitu para ulama). Ini bererti bahawa amar makruf nahi mungkar merupakan kewajipan fardu kifayah.

Dalam Surah Yusuf ayat 108, Allah berfirman:

فُلُونَ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةِ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي

Maksudnya: Katakanlah (Wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada Agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata.

Menurut Imam as-Sa'di (2000) ayat di atas menjelaskan perihal dakwah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW serta pengikut-pengikut baginda SAW. Sekalipun perkataan ‘orang-orang yang menurutku’ bersifat umum merangkumi para Sahabat dan generasi umat Islam yang datang sesudah mereka, tetapi ini tidak bererti bahawa dakwah itu boleh disampaikan mengikut sesuka hati. Ia perlu disampaikan berlandaskan kepada ilmu dan keyakinan.

Allah memuji umat akhir zaman ini kerana mereka melaksanakan perintah amar makruf nahi mungkar dalam Surah Aali Imran ayat 110:

كُنْتُمْ حَيْرَانِ أُمَّةٍ أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji).

Sekalipun umat ini dipuji berbanding umat-umat lain sebelum Nabi Muhammad SAW, menurut ash-Shaukani (1993) pujian tersebut ialah selama mana mereka melaksanakan tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar. Sekiranya ia diabaikan maka akan hilanglah pujian tersebut.

Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Nabi SAW bersabda:

مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيَعْرِضْ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِيلَسَانِيهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فِي قَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: Barang siapa melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Jika dia tidak mampu maka dengan lisannya. Jika dia tidak mampu maka dengan hatinya dan itu merupakan selemah-lemah iman.

Menurut an-Nawawi (1972) perkataan ‘maka hendaklah dia mengubahnya’ dalam hadis di atas membawa erti wajib dan ia merupakan sebahagian daripada kewajipan amar makruf nahi mungkar berdasarkan kepada dalil Al-Quran, as-Sunah serta ijmak.

Kaitan antara Tasfiyah dengan Nasihat

Kewajipan melaksanakan *tasfiyah* juga termasuk dalam erti menyampaikan nasihat yang diperintahkan oleh Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim dalam kitab Sahih mereka. Baginda SAW bersabda:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ، لِلَّهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: Agama itu nasihat. Bagi Allah, bagi kitab-Nya, bagi Rasul-Nya, bagi para pemimpin kaum Muslimin, dan bagi orang ramai.

An-Nawawi (1972) menjelaskan bahawa perkataan ‘agama itu nasihat’ dalam hadis di atas bererti ia merupakan tunggak serta asasnya, manakala nasihat bagi orang ramai antaranya bermaksud mengajarkan kepada mereka tentang Agama Islam serta perkara-perkara Agama yang mereka tidak tahu.

Berdasarkan keterangan di atas, tidak dinafikan bahawa menjelaskan kepada masyarakat tentang perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalam agama Islam merupakan sebahagian daripada erti nasihat di sisi syariat.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan dinilai sahih oleh al-Abani (1985b), Nabi SAW bersabda:

يَعْلَمُ هَذَا الْعِلْمُ مِنْ كُلِّ حَلْفٍ عُدُولٌ، يَنْفُونَ عَنْهُ تَحْرِيفَ الْغَالِيَنَ، وَاتِّخَالَ الْمُبْطَلِيَنَ، وَتَأْوِيلَ الْجَاهِلِيَّنَ

Maksudnya: Ilmu ini (ilmu agama) akan didukung oleh setiap generasi (sesudah zaman Rasulullah) oleh mereka yang adil (amanah), mereka akan memeliharanya daripada penyelewengan mereka yang melampaui batas, penipuan para pendusta dan tafsiran orang – orang jahil”.

Hadis di atas, jika diperhatikan secara dekat, ia mempunyai kaitan rapat dengan konsep *tasfiyah* yang diutarakan oleh Syeikh al-Albani. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa golongan pendakwah Islam mempunyai tiga tanggungjawab utama iaitu:

- Pertama: Menolak penyelewengan mereka yang melampaui batas;
 Kedua: Menyingkap perihal penipuan orang-orang yang berdusta; dan
 Ketiga: Menjelaskan tafsiran orang-orang yang jahil.

Penyelewengan mereka yang melampaui batas adalah merujuk kepada mereka yang melampaui batas-batas agama. Mereka yang menokok tambah perkara-perkara Agama dengan menukar lafadz atau makna yang terkandung dalam sesuatu nas Al-Quran atau hadis. Adapun penipuan orang-orang yang berdusta, ia merujuk kepada mereka yang mendakwa secara dusta sesuatu yang bukan daripada ajaran Agama dengan mengatakan bahawa ia adalah sebahagian ajaran Agama yang perlu dilaksanakan. Tafsiran orang-orang yang jahil pula merujuk kepada mereka yang mentafsirkan ajaran-ajaran Agama yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis menurut hawa nafsu mereka, tanpa ilmu dan dalil yang menyokong tafsiran mereka itu (al-Qari 2002).

Dalam hadis di atas, Nabi SAW menyatakan berkenaan pencemaran yang akan berlaku dalam agama Islam, sama ada dari sudut penyelewengan atau pendustaan, lalu pencemaran tersebut akan dimurnikan oleh mereka yang adil daripada kalangan umat baginda SAW. Hal ini menepati definisi *tasfiah*.

Dapat disimpulkan di sini bahawa sekalipun istilah *tasfiah* tidak digunakan secara spesifik dalam Al-Quran dan hadis tetapi terdapat istilah yang hampir serupa dengannya yang digunakan dalam Al-Quran iaitu *yuzakkihim*, *tazakka* dan *azka* yang kata-kata dasarnya menjurus kepada makna pemurnian, penyucian dan pembersihan yang terdapat dalam makna *tasfiah* dari sudut etimologi. Adapun dari sudut terminologi, konsep *tasfiah* memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya terangkum dalam erti menjalankan kewajipan dakwah yang diperintahkan dalam Al-Quran dan hadis. Ia juga termasuk dalam erti melaksanakan kewajipan memberi nasihat serta perintah amar makruf dan nahi mungkar yang banyak terdapat dalam nas-nas Al-Quran dan hadis.

4. Keutamaan dan Kepentingan *Tasfiah*

Menyebut tentang keutamaan *tasfiah*, hakikatnya ia terkandung secara tersirat di sebalik sabda Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan disahihkan oleh al-Albani (2000d) di mana baginda SAW bersabda:

إِذَا تَبَيَّنَ لَهُمْ بِالْعِنْتَةِ، وَأَخْذُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ، وَرَضِيَّثُمْ بِالرِّزْقِ، وَتَرْكُثُمُ الْجَهَادَ، سَلْطَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ دُلُّ لَا يَنْزَعُهُ حَتَّىٰ تُرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ

Maksudnya: Jika kamu sudah mula berjual beli dengan cara *وَرَضِيَّثُمْ* *@nah*, kamu mengambil ekor lembu, kamu selesa dengan bercucuk tanam dan kamu tinggalkan jihad; maka Allah akan menyelubungi kamu dengan kehinaan dan Dia tidak akan mengangkatnya sehingga kamu kembali kepada Agama kamu (Islam)."

Dalam hadis di atas, Nabi SAW menjelaskan bahawa kelekaan umat Islam mengejar dunia sehingga meninggalkan apa yang difardukan oleh Allah telah menyebabkan umat Islam ditimpah kehinaan. Kehinaan ini menyebabkan mereka tidak lagi digeruni dan dipandang mulia seperti mana pada zaman awal Islam dahulu. Justeru, kemuliaan umat Islam hanya akan dapat dicapai semula sekiranya mereka melaksanakan apa yang diperintahkan oleh baginda SAW dalam hadis di atas iaitu ‘kembali kepada Agama’. Walau bagaimanapun, usaha mengembalikan umat Islam pada hari ini kepada ajaran Islam yang sebenar menuntut kepada *tasfiah* agar usaha mereka benar-benar menepati apa yang ditetapkan oleh Nabi SAW dalam hadis di atas (al-Albani 2000b).

Dalam bidang akidah, pelaksanaan konsep *tasfiah* penting bagi memelihara akidah Islam yang benar dan mengekang penularan fahaman-fahaman sesat seperti Syiah, Khawarij, Qadariah, Jahmiah, Muktazilah, Murjiah dan Jabariah yang terus tersebar dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Hal ini dapat dicapai melalui penjelasan tentang prinsip-prinsip akidah Ahli Sunah serta bantahan terhadap syubhah-syubhah kumpulan-kumpulan Islam yang menyimpang.

Pelaksanaan *tasfiah* juga penting dalam bidang fiqh bagi menekankan kepentingan *ittiba'*, berpegang kepada as-Sunah serta menjauhi hal-hal bidaah agar segala penetapan hukum serta pelaksanaan ibadah dilaksanakan sesuai dengan Sunah Nabi SAW. Hal ini dapat dicapai melalui penekanan terhadap *fiqh as-Sunah* berbanding *fiqh al-mazhab* di samping melarang perbuatan membahaskan soal-soal ibadah mengikut akal semata-mata sehingga menolak hadis sahih dengan pendapat, ijtihad atau kias. Tumpuan perlu diberikan bagi memurnikan permasalahan-permasalahan fiqh daripada ijtihad-ijtihad salah yang menyalahi Al-Quran dan hadis, amalan-amalan bidaah yang menodai kesucian Agama, di samping membebaskan akal daripada belenggu jumud dan taasub mazhab.

Adapun dalam bidang hadis, usaha gigih para ulama hadis zaman berzaman seharusnya diteruskan bagi memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan mengelakkannya daripada bercampur dengan riwayat-riwayat daif dan *maudhuk*. Ini dapat dicapai melalui perbahasan dan penjelasan berkenaan perincian ilmu hadis seperti ilmu rijal dan mustalah hadis di samping penulisan kitab-kitab *takhrij* dan pengumpulan hadis-hadis *maudhuk* dalam kitab yang khusus agar matlmat di sebalik *tasfiah* hadis dapat direalisasikan.

Bagi mereka yang mengabaikan keutamaan serta kepentingan *tasfiah* ini atas tanggapan bahawa ia sukar, memakan masa yang panjang dan seumpamanya, jelas mereka telah salah dan keliru. Sedangkan Nabi SAW dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab Sahihnya bersabda:

حُقُّتِ الْجَنَّةُ بِالْمَكَارِهِ، وَحُقُّتِ النَّارُ بِالشَّهَوَاتِ

Maksudnya: Syurga itu dikelilingi perkara-perkara yang dibenci, manakala neraka itu dikelilingi perkara-perkara yang disukai syahwat.

Hadis di atas mengingatkan umat Islam supaya jangan terpedaya dengan didorong oleh nafsu dan tipu daya syaitan, merasa jemu dan malas untuk terus bermujahadah di atas jalan lurus *as-Sirat al-Mustaqim* lalu memilih untuk memblok masuk ke jalan-jalan simpang atas sangkaan bahawa ia jalan pintas sedangkan pada hakikatnya ia merupakan jalan-jalan penyimpangan yang akan terus menjauhkan seseorang itu daripada Islam dan kebenaran.

5. Kesimpulan

Konsep *tasfiah* menjurus kepada memurnikan agama Islam daripada perkara-perkara asing yang telah menyusup masuk ke dalamnya, dan ia turut merangkumi ketiga-tiga bidang utama Agama iaitu akidah, fiqh dan hadis. Perkara-perkara asing ini telah menyusup masuk ke dalam Agama sehingga dianggap oleh sebahagian masyarakat Islam sebagai sebahagian daripada Agama sedangkan pada hakikatnya tidak. Pelaksanaan konsep ini yang berperanan sebagai ‘anti virus’ bagi mengekalkan keaslian dan ketulenan Agama merupakan tanggungjawab para ilmuwan dan ia termasuklah dalam erti menjalankan tanggungjawab menyampaikan dakwah, memberi nasihat serta melaksanakan perintah amar makruf dan nahi mungkar yang banyak terdapat dalam nas-nas Al-Quran dan hadis.

Keutamaan konsep ini terkandung secara tersirat dalam perintah Nabi SAW supaya umat Islam ‘kembali kepada Agama’. Tentunya apa yang dimaksudkan ialah agama Islam yang tulen, bukan Agama yang dicemari dengan pelbagai fahaman sesat, amalan yang menyelisihi as-Sunah serta hadis-hadis daif dan *maudhuk*.

Justeru konsep *tasfiah* ini penting bagi memelihara akidah Islam serta mengkekang penularan fahaman-fahaman sesat dalam masyarakat, memastikan segala penetapan hukum serta pelaksanaan ibadah sesuai dengan Sunah Nabi SAW, memberi penekanan terhadap *fiqh as-Sunah* berbanding *fiqh al-mazhab*, menjauhi perbahasan tentang soal-soal ibadah mengikut akal semata-mata sehingga menolak hadis sahih, memurnikan permasalahan-permasalahan fiqh daripada ijtihad-ijtihad salah yang menyalahi Al-Quran dan hadis, amalan-amalan bidaah yang menodai kesucian Agama, membebaskan akal daripada belenggu jumud dan taasub mazhab, di samping memelihara ketulenan hadis-hadis Nabi SAW dan mengelakkannya daripada bercampur baur dengan riwayat-riwayat daif dan *maudhuk*.

Hanya sesudah umat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar melalui pelaksanaan konsep *tasfiah* ini terutamanya dalam ketiga-tiga bidang utama Agama iaitu akidah, fiqh dan hadis maka mereka akan dapat menghilangkan kehinaan yang menimpa atas mereka serta mengembalikan kekuatan dan kemuliaan mereka seperti mana pada zaman awal Islam dahulu.

Rujukan

Al-Quran

- Akni, Hind. 1430H/2009. *al-Ikhtiyaraat al-Fiqhiyyah Li al-Albani Min Khilal Kitab Sifat Salat an-Nabi*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1413H/1992c. *Silsilah al-Ahaadith as-Sahihah Wa Syai Min Fiqhiha Wa Fawa'iidiha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1421H/2000b. *at-Tasfiah Wa at-Tarbiah Wa Hajah al-Muslimin Ilaihima*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah.

- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1421H/2000b. *at-Tasfiah Wa at-Tarbiah Wa Hajah al-Muslimin Ilaihima*. Amman: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1421H/2000d. *Sahih at-Targhib Wa at-Tarhib*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Albani, Muhammad Nasiruddin. 1985b. *Mishkat al-Masabih*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Halabi, Ali Hasan. t.th. *Su'alaat Ali bin Hasan al-Halabi Li Syaikhhi al-Imam al-'Allamah al-Muhaddith al-Faqih asy-Syaikh Muhammad Nasiruddin al-Albani*. t.tp. tpt.
- al-Harawi, Muhammad Ahmad. 2001. *Tahdhib al-Lughah*. Beirut: Dar Ihya' at-Turath al-'Arabi.
- al-Qari, Ali bin Sultan. 1422H/2002. *Mirqat al-Mafatih Syarah Misykat al-Masabih*. Beirut: Dar al-Fikr.
- an-Nawawi, Yahya Syaraf. 1972. *al-Minhaj Sharah Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Beirut: Dar Ihya at-Turath al-Arabi.
- ash-Shaukani, Muhammad Ali. 1414H / 1993a. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kalim at-Tayyib.
- as-Sa'di, Abdulrahman Nasir. 1420H/2000. *Taisir al-Karim ar-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Mannaan*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- az-Zabidi, Muhammad bin Muhammad. T.th. *Taj al-'Aruus Min Jawahir al-Qamuus*. Kuwait: Dar al-Hidayah.al-Qurtubi.
- Hadi, Isam Musa. 1423H/2003. *Muhaddith al-'Asr al-Imam Muhammad Nasiruddin al-Albani*. al-Jubail: Dar as-Siddiq.
- Ibnu Kathir, Ismail Omar. 1420H/1999. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Riyadh: Dar Taibah.Imam at- at-Tabari, Muhammad Jarir. 2000. *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil al-Quran (Tafsir at-Tabari)*. Beirut: Mu'assasah ar-Risalah.
- Ibnu Mandhur, Muhammad bin Mukrim. 1993. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Shadir.
- Kamus Dewan. 2015. Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakinah Saptu, Azwira Abd Aziz. 2012. Konsep al-Tasfiah Dalam Akidah Berdasarkan Sunnah Nabawiyah. *Jurnal Institut Kajian Hadis*. 2(4): 41-62.
- Salim, Amru Abdul Mun'im. 1422H/2002. *at-Ta'lqaat as-Saniyyah Syarah Usul ad-Dakwah as-Saniyyah*. Tanta: Dar ad-Diyaa'.
- Salim, Amru Abdul Mun'im. t.th. *al-Manhaj as-Salafi 'Inda asy-Syaikh Nasiruddin al-Albani*. Jeddah: Dar as-Salaf as-Salih.